




فجابت جوروترا دائره،
جياتن كرجراي، لاروت ماتغ دان سلاما.

PEJABAT JURUTERA DAERAH
JKR LARUT MATANG DAN SELAMA
34000 TAIPING
PERAK DARUL RIDZUAN



Telefon:
JURUTERA DAERAH: 05-8073141(Talian Terus)
PEJABAT : 05-8084040, 05-8084841, 05-8084873
Telefax: 05-8084545
E-mel: lmatang@jkr.gov.my
Web: http://www.jkrperak.gov.my
E-mel: jkrprk@jkr.gov.my
E-mel aduan: aduan.jkrperak.gov.my



Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan,
B-G-9 & B-G-11 Greentown Suria,
Jalan Dato' Seri Ahmad Said,
30450 IPOH
(u/p : Pn. Hasnita Binti Musa@ Amindollah)

PKN/Pn Nita
Fyge

FM/Pn Sui
Fyila

Ruj. Kami : Bil (12) dlm JKR. LM&S
Tpg. 18/6/7 Jld 45
Ruj. Tuan : KUDR/KACP/A/01/25/0018 (04)
Tarikh : 27 Januari 2025

KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN SDN BHD TINDAKAN / MAKLUMAN	
<input type="checkbox"/>	KETUA OPERASI
<input type="checkbox"/>	PENGURUS SUMBER MANUSIA
<input type="checkbox"/>	KETUA PEMBANGUNAN PERNIAGAAN
<input type="checkbox"/>	PENGURUS KORIDOR NEGERI
<input type="checkbox"/>	PEGAWAI KHAS (PEJABAT KPE DAN PENTADBIRAN)

Tuan,

PROJEK/KERJA : PROJEK PENYEDIAAN POINT OF PRESENCE (POP) FASA 2 HAB INFRASTRUKTUR GENTIAN OPTIK BERHAMPIRAN DENGAN SEKOLAH, PREMIS KERAJAAN DAN KOMUNITI SEKITARNYA OLEH KEMENTERIAN KOMUNIKASI (ZON UTARA- PERAK & KEDAH) (AEA6056- SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BUKIT JANA)
PERKARA: PERMOHONAN IZINLALU (Kerja Ukur Tanah Sempadan ROW, Pemetaan Pengesanan Utiliti, Penandaan Jajaran Utiliti) -A7 JALAN TAIPING-SELAMA

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat tuan serta pelan adalah dirujuk.

2. Pejabat ini telah meneliti dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh tuan melalui surat No. Ruj. KUDR/KACP/A/01/25/0018 (04) yang diterima pejabat ini bertarikh 15 Januari 2025.

3. Dimaklumkan bahawa pejabat ini tiada halangan ke atas lokasi cadangan tuan dan dengan **memberi kebenaran hanya untuk melaksanakan Kerja Ukur Tanah (sempadan ROW), Cerapan Data bagi Pemetaan Pengesanan Utiliti (UDM) dan Penandaan Jajaran Utiliti dikawasan terlibat.** Walaubagaimanapun, pihak tuan juga diingatkan kebenaran ini hanya tertakluk untuk kerja-kerja yang dipohon sahaja.

Om/perny
Andakan selanjutnya
5/2

“PERAK SEJAHTERA 2030”

[Signature]
5/2/2025 ..2/

Ruj. Kami : Bil () dlm JKR. LM&S

Tpg. 18/6/7 Jld 45

Ruj. Tuan : KUDR/KACP/A/01/25/0018 (04)

4. Sebagai langkah kawalan dan pemantauan, kebenaran untuk kerja-kerja yang dijalankan hanya sehingga 03 Mei 2025. Sehubungan dengan itu, tarikh kelulusan yang diberikan adalah seperti berikut : -

Tarikh Mula	03 FEBRUARI 2025
Tarikh Tamat	03 MEI 2025

- a) Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah pada hari Isnin – Sabtu : jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang.
- b) Pada hari perayaan dan Cuti Umum, kerja-kerja di tapak binaan **tidak boleh** dilaksanakan.
- c) Kerja-kerja **tidak dibenarkan** pada waktu puncak.
- d) Menyediakan, membekal dan memasang Pelan Pengurusan Trafik (TMP) dengan secukupnya disepanjang tempoh kerja-kerja dilaksanakan /dijalankan.

5. Semasa tempoh ini masih berkuatkuasa, pihak tuan perlulah **mengemukakan Permohonan Kelulusan/Permit Pemasangan Utiliti bersama dokumen-dokumen** yang diperlukan sebagaimana dalam Senarai Semak Permohonan Kelulusan/Permit kepada pejabat ini selewat-lewatnya **satu (1) bulan sebelum Tamat Tarikh Izinlalu**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,



(Ir. MUHAMAD HAMBALI BIN AB GHANI)

Jurutera Daerah,

JKR Larut Matang & Selama,

♣ Taiping.

S.k. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 IPOH.
(u/p : Jurutera Awam Penguasa Jalan)
- Untuk makluman sahaja.

“PERAK SEJAHTERA 2030”